

## Selamat Ulang Tahun UiTM



اَوَّلُ كَرِّ سَنَةٍ لِيَكُنْ لَوْنُهَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**Majlis Kemuncak  
Sambutan Ulang Tahun  
ke-60 UiTM**

**Sambutan Ambang  
Kemerdekaan UiTM**

**Istiadat Konvokesyen  
UiTM ke-85**

**UiTM Ikutai APEL**

**Konvensyen Nasional  
Penyatuan Bangsa**





# Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa

Universiti Teknologi MARA (UiTM) buat julung kalinya mengadakan Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa anjuran Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) dan Institut Melayu Pemikiran dan Kepimpinan UiTM (IMPAK). Konvensyen ini telah berlangsung pada 8 hingga 10 November 2016 bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC). Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah telah berkenan menyempurnakan Majlis Titah Diraja dan seterusnya merasmikan konvensyen tersebut pada 8 November 2016.

Konvensyen yang berlangsung selama tiga hari ini merupakan medan perkongsian ilmu yang menghimpunkan para ilmuwan, pemimpin, pemikir dan tokoh-tokoh korporat. Bertemakan 'Menyingkap Perjuangan Bangsa', fokus utama konvensyen ini adalah ke arah memperkasa semangat solidariti Melayu yang bermatlamatkan perpaduan dan penyatuan bangsa.

Antara tajuk kertas kerja yang telah dibentangkan dalam konvensyen ini ialah Sistem Undang-Undang Melayu, Pendidikan, Ketamadunan Melayu, Kesultanan dan Pemerintahan Melayu, Islam dan Keintelektualan, Bahasa Melayu dan Asal-Usul Melayu: Sumber Genetik.

Konvensyen yang berakhir pada 10 November 2016 telah disempurnakan perasmian penutupnya oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, yang merupakan penaung kepada Konvensyen tersebut. Turut sama hadir pada majlis penutupan, ialah YB Dato' Seri Idris Jusoh (Menteri Pendidikan Tinggi), Menteri-Menteri Kabinet, Pro-Canselor, Pengerusi Lembaga Pengarah serta dif-dif dari pelbagai kementerian, jabatan, syarikat kerajaan juga universiti awam dan swasta.

Selain itu, enam resolusi telah dikenal pasti dan mencapai kesepakatan serta diluluskan hasil daripada tiga hari Konvensyen tersebut. Keenam-enam resolusi telah diserahkan oleh Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said kepada Perdana Menteri pada penghujung acara tersebut.

## Resolusi-resolusi Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa 2016:

- Memperkasa peranan UiTM sebagai institusi dan pemangkin transformasi kepada penyatuan bangsa Melayu.
- Memartabatkan pegangan nilai-nilai murni budaya Melayu berasaskan ajaran Islam yang syumul merangkumi segenap aspek kehidupan.
- Menggesa kerajaan memberi penekanan terhadap kelestarian sejarah asal-usul dan kelangsungan bangsa Melayu melalui pendekatan saintifik.
- Menggesa komuniti ekonomi bumiputera mengubah pemikiran, sikap dan menerap budaya keusahawanan serta menjadi peneraju agenda ekonomi negara.
- Menyarankan kerajaan membangunkan konsep waqaf sebagai model rujukan ekonomi yang diyakini oleh masyarakat.
- Mengangkat agenda penyatuan bangsa Melayu sebagai agenda tetap nasional bagi menjamin kemakmuran semua bangsa.

## Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzudin Shah

- Ketika membahaskan Rang Undang-Undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) pada 18 Julai 1973, ahli Parlimen Batu, Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo, seorang ahli Parlimen bukan keturunan Melayu dan bukan wakil daripada parti pemerintah telah memberikan pengiktirafan terbuka terhadap pencapaian ITM.
- Penubuhan UiTM, adalah salah satu tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam semangat menjunjung salah satu daripada tujuh titah wasiat Raja-Raja Melayu.
- UiTM telah berjaya memenuhi visi dan misi untuk membangunkan sumber Melayu. Kejayaan yang dicapai telah menjadi sumber inspirasi untuk mencipta kejayaan yang lebih gemilang.
- Peningkatan angka golongan menengah Melayu, setidak-tidaknya membantu menyediakan orang Melayu dengan satu angkatan baru yang memiliki modal insan dan modal budaya yang lebih tinggi.
- UiTM bukan sebarang Universiti. UiTM ialah sebuah universiti yang dibangunkan berlatar belakang agenda Melayu mempunyai visi dan misi khusus untuk Melayu. Perlembagaannya menetapkan Canselor UiTM ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- Graduan UiTM hendaklah memiliki identiti insan amanah, insan jujur, insan bertakwa, insan tawaduk dan insan berintegriti.





Konsep & Reka Bentuk:  
Bahagian Conselleri & Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA



[www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my)



UITM Rasmi: [www.facebook.com/uitmrasmil](https://www.facebook.com/uitmrasmil)  
Lensa Korporat: [www.facebook.com/darlensakorporat](https://www.facebook.com/darlensakorporat)